

Sistem Pengurusan Konvensional jadi amalan di negara sedang membangun

MINDA PENDIDIK

MOHD YUSOF ABDULLAH

Bersama Baharom Mohamad, Shukri Zain, Abdul Said Ambotang, Muhamad Suhaimi Taat dan Roslee Talip



UB 31.7.13 B4

SISTEM Pengurusan Islam tentu sekali berbeza dari aspek teorikal dan amalan dengan Sistem Pengurusan Konvensional yang telah di amalkan di mana-mana negara maju. Hari ini, Sistem Pengurusan Konvensional semakin mantap, menjadi dasar dan amalan di negara-negara maju, malah menjadi tulang belakang atau tunjang kepada sistem pengurusan di negara-negara mundur dan sedang membangun yang kebanyakannya terdiri daripada negara-negara Islam.

Sistem Pengurusan Islam merupakan suatu sistem pengurusan yang berasaskan Tauhid berdasarkan falsafah lengkap berhubung dengan manusia dan kehidupannya melalui wahyu oleh Allah SWT. Tentu sekali, Sistem Pengurusan Islam jauh lebih sempurna berbanding dengan sistem-sistem pengurusan yang lain kerana sistem ini bersifat syumul atau lengkap melengkapi yang mencakupi aspek jasmani, rohani, akal dan kepentingan sejagat. Hal ini berbeza dengan

Sistem Pengurusan Konvensional yang lebih menekankan kepada aspek pengurusan berteraskan kepada material semata-mata, nafsi-nafsi dan mengabaikan aspek-aspek agama, etika, nilaidan pembangunan insan secara menyeluruh serta adil.

Walaupun Sistem Pengurusan Islam adalah sistem pengurusan yang syumul atau lengkap melengkapi, namun tidak diyakini pihak pengurusan tertinggi untuk menjadi dasar dan amalan dalam sesebuah organisasi kerajaan, badan berkanun, swasta, syarikat, persatuan dan sebagainya. Sistem Pengurusan Islam didakwa tidak praktikal untuk dilaksanakan. Akibatnya, dasar dan amalan hanya diperingkat minimum oleh kebanyakkan sistem pengurusan organisasi disetiap peringkat dalam sesebuah negara.

Umum tentu mengetahui bahawa Sistem Pengurusan Islam diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW, dengan mengalami beberapa fasa reformasi yang bersesuaian dengan zaman, khususnya ketika meniti zaman kegemilangan pemerintahan Saidina Umar al-Khattab (Khulafa' ar-Rasyidin) hingga ke zaman kegemilangan Khafah Uthmaniyyah di Turki. Namun, Sistem Pengurusan

Islam kini tidak lagi dilihat relevan sejak kejatuhan Khilafah Uthmaniyyah pada tahun 1924, walaupun Sistem Pengurusan Islam memberikan impak dan bersifat syumul merentasi zaman. Kekangan pelbagai penjurong merentangi pelaksanaan sistem pengurusan ini, yang akhirnya sistem pengurusan ini gagal berdaya saing dan maju seiring dengan kemajuan Sistem Pengurusan Konvensional.

Mengapakah hal ini terjadi? Sebenarnya adalah sukar untuk mencari penyelesaian kepada persoalan ini kerana terlalu banyak faktor yang saling berkaitan seperti faktor sejarah, politik, ekonomi, sosiologi, sikap, pengurusan dan kuasa sesebuah kerajaan, sosiobudaya, kepercayaan, persekitaran dan sebagainya disamping faktor pengaruh luaran. Semenjak kejatuhan Khilafah Uthmaniyyah pada tahun 1924, ilmu dan pemikiran yang sudah lama tertanam mulai goyang dan kini masyarakat dan sistem menjurus ke arah pemikiran barat dan Jepun dalam banyakkaldalam sistem pengurusan organisasi, malah masyarakat dan sistem mula beranggapan bahawa sistem pengurusan negara-negara maju iaitu barat dan Jepun lebih praktikal dan berkesan untuk

dilaksanakan.

Kesukaran semakin ketara untuk mengembalikan kegemilangan Sistem Pengurusan Islam kerana terdapat penentangan daripada pihak yang tidak ingin melihat Islam dijadikan sebagai asas pembangunan masyarakat yang bertamadun dan berakhlak. Penentangan ini bukan sahaja berlaku di peringkat pengurusan bawah, malah melibatkan peringkat pengurusan tertinggi dalam organisasi dalam sesebuah negara. Dakwah kononnya Sistem Pengurusan Islam tidak mampu membawa sesebuah organisasi dan negara mencapai kemajuan yang hebat dicanang di sana sini. Dakwaan ini dikukuhkan lagi dengan ketidakmampuan kepemimpinan tertinggi sesebuah negara mengenal pasti relevansi teori dan model Sistem Pengurusan Islam, apatah lagi melakukan usaha membanding-bandingkan kemajuan negara-negara maju barat dan Jepun yang terkehadapan dengan kemajuan negara-negara Islam yang terkebelakang.

Hassan al-Banna menyatakan bahawa sistem pengurusan atau pemerintahan sesebuah kerajaan adalah jantung kepada reformasi sosioekonomi sesebuah negara. Jika rosak sistem pengurusan atau

pemerintahan sesebuah kerajaan, maka rosaklah sistem sosioekonomi negara berkenaan. Dalam konteks perbincangan ini, institusi yang mula-mula terjejas terutamanya di zaman pemerintahan Khilafah Uthmaniyyah ialah institusi khilafah itu sendiri. Institusi inilah yang mendukung prinsip-prinsip berpolitik dalam bentuk yang ideal. Apabila institusi ini runtuh, maka runtuhlah sistem berpolitik pada zaman itu dan juga zaman-zaman sesudahnya, khususnya di negara-negara Islam yang lain.

Apabila sesebuah negara condong ke arah sistem sekularisme, tentulah semua dasar di dalam sesebuah negara akan condong ke arahnya. Senario ini telah mula menekan Sistem Pengurusan Islam pada pertengahan abad ke sembilan belas. Jika sesebuah negara mengamalkan Sistem Demokrasi Sekular, maka semua program pembangunan negara untuk mencapai maqasid seperti dalam falsafah Sistem Pengurusan Islam, akan tertinggal menjadi hiasan dalam sistem pemerintahan negara tersebut. Untuk melaksanakan Sistem Pengurusan Islam, semua dasar kerajaan sewajarnya diterjemah ke dalam perlembagaan negara untuk tujuan penguatkuasaannya. PengIslam

semula sistem pengurusan perlu dilakukan bagi mengubah atau menyusun semula gelagat individu, organisasi, institusi dan kerajaan. Hingga ke hari ini, Sistem Pengurusan Islam dilihat sebagai slogan tanpa menyedari sumbangan positifnya kepada kemajuan masyarakat khususnya dan negara umumnya.

Pelbagai halangan yang merentangi usaha-usaha untuk mewujudkan dasar dan seterusnya mengamalkan Sistem Pengurusan Islam dalam sesebuah organisasi, institusi mahupun kerajaan. Pergolakan dan ketegangan politik dikebanyakkan negara Islam juga merupakan salah satu halangan utama yang terus mewujudkan ketidakseimbangan dan kepincangan kepada kemajuan Sistem Pengurusan Islam itu sendiri. Sesungguhnya, amalan terhadap Sistem Pengurusan Islam memerlukan keadaan politik yang stabil, keamanan yang terjamin dan bebas dari segala bentuk pergolakan, peperangan, ketidaksamaan dan sebagainya.

* Penulis adalah Profesor Madya di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah dan boleh dihubungi melalui vivapjm727@yahoo.com

■ Bersambung